

UPM cipta dua produk kesihatan terbaharu

INOVASI



ABDUL HALIM menunjukkan picagari Safety Syringe dan SJ-Vactube yang dihasilkannya.

BARU-baru ini, Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya mencipta Safety Syringe iaitu picagari keselamatan pelbagai guna pakai buang dan SJ-VacTube iaitu tabung darah bervakum tanpa tebuk pertama seumpamanya di negara ini.

Kedua-dua teknologi itu berkait antara satu sama lain dan digunakan di dalam proses pemindahan dan penyimpanan cecair seperti darah untuk kegunaan makmal, perubatan dan veterinar.

Ia dihasilkan sekumpulan penyelidik diketuai Prof. Madya Ir. Dr. Abd. Rahim Abu Talib dari Jabatan Kejuruteraan Aeroangkasa, Fakulti Kejuruteraan UPM.

Pada masa ini, picagari keselamatan pakai buang dan tabung darah bervakum tanpa tebuk belum

dihasilkan di negara ini dan semua bekalan perlu diimport dari luar negara.

Abd. Rahim berkata, picagari keselamatan boleh digunakan untuk memasukkan atau mengeluarkan cecair dari badan pesakit.

"Penggunaan Safety Syringe dapat mengelakkan penggunaan semula, sekali gus mengelak jangkitan kuman dan penyakit berpunca daripada penyalahgunaan picagari.

"Bagaimanapun, setelah picagari keselamatan digunakan untuk mengeluarkan cecair, bahagian penolak akan ditekan untuk mematahkan bahagian pemegang jarum secara kekal. Jarum akan tertanggal daripada bahagian badan picagari dan dapat

mengelakkan penggunaan semula," katanya kepada *Kosmo!*

Tambahnya, SJ-Vactube pula menggunakan teknologi vakum tanpa jarum. Reka bentuk baharu penutup dan tiub telah membantu dalam menghasilkan bekas tabung darah vakum tanpa ditebuk.

"Proses baharu ini tidak memerlukan cucukan jarum untuk menghasilkan vakum. Ini kerana udara dapat disedut keluar melalui kaedah inovatif melalui saluran di bahagian penutup tiub untuk mendapatkan had vakum yang dikehendaki.

"Kadar kebocoran udara juga dapat dikurangkan dan membolehkannya disimpan dengan lebih lama. Kedua-dua teknologi ini telah mendapat perlindungan harta intelek berbentuk paten di Malaysia dan tujuh negara lain," katanya.



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA